



JAWATAN KOSONG

PENGARAH TERBUKA GRED 14

Pemohon Adalah dipelawa untuk mengisi jawatan:

- a) Jawatan : Pengarah Gred 14 (Terbuka)
- b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- c) Taraf Jawatan : Peminjaman / Pertukaran Sementara
- d) Lokasi : Seksyen Projek Khas Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (SPK HPTP)

SYARAT LANTIKAN UTAMA

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Penjawat Awam Persekutuan yang sedang menyandang Gred 13 ke atas.
- b) Pegawai hendaklah berkhidmat di gred jawatan hakiki tidak kurang dari 3 tahun.
- c) Markah prestasi sekurang-kurangnya 85% dalam LNPT dan MyPerformance bagi 2023, 2024 dan 2025.
- d) Mempunyai kompetensi yang sesuai dengan bidang tugas.
- e) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib atau tindakan SPRM
- f) Pegawai yang sedang memangku atau berada dalam zon pemangkuan adalah **TIDAK LAYAK** untuk memohon.

SYARAT TAMBAHAN

- a) Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan; Sarjana / Kelayakan profesional diberi keutamaan
- b) Sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman kerja, termasuk 5 tahun pada peringkat pengurusan kanan / kepimpinan.
- c) Berpengalaman dalam perancangan dan pelaksanaan pelan strategik, dasar, program atau projek.
- d) Berpengetahuan dalam tadbir urus risiko, Pengurusan fasiliti, pematuhan, integriti, kawalan dalaman dan audit.
- e) Mahir dalam pengurusan bajet, kewangan, sumber manusia, aset, khidmat pegurusan dan runding harga.
- f) Berpengalaman membangunkan dan memantau KPI serta laporan prestasi.
- g) Mempunyai pemikiran strategik, analitikal, kritikal, kreatif dan inovatif.
- h) Mampu membina jaringan strategik dengan Kementerian, Agensi, IPT, industry dan pemegang taruh.
- i) Keupayaan mengurus pelbagai tugas strategik dalam persekitaran dinamik dan kompleks.

FUNGSI / BIDANG UTAMA

- a) Menetapkan hala tuju strategik SPK HPTP selaras dengan dasar Kerajaan dan KPT.
- b) Memimpin operasi, kemudahan gunasama dan sokongan akademik.
- c) Memantau kontrak konsesi. SLA, KPI dan pematuhan peraturan.
- d) Memimpin pembangunan, penyelenggaraan dan pengoperasian fasiliti, infrastruktur serta aset.
- e) Mengurus kewangan, perolehan, pelaburan, utiliti dan perbelanjaan secara

- berakauntabiliti.
- f) Memimpin projek pembangunan, naik taraf dan penambahbaikan fasiliti.
 - g) Mengawal selia ICT, rangkaian, pusat data, keselamatan ICT dan infrastruktur digital.
 - h) Menyelaras sumber maklumat, perpustakaan gunasama dan sokongan akademik.
 - i) Memastikan tadbir urus, risiko, integriti, audit dan kawaan dalaman berkesan.
 - j) Memantau prestasi organisasi melalui KPI dan pelaporan.
 - k) Memimpin pembangunan modal insan dan budaya kerja berprestasi tinggi.
 - l) Mewakili organisasi dalam urusan strategik dan kerjasama dengan pemegang taruh.
 - m) Memberikan khidmat nasihat strategik kepada pengurusan tertinggi.

CARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat boleh menghantar surat permohonan melalui Ketua Jabatan beserta CV/Resume, senarai tugas/deskripsi tugas terkini, dan Salinan Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/Ph.D yang dijana melalui HRMiS ke emel rasidah.salleh@mohe.gov.my atau;

Hantar kepada:

Pengarah, Seksyen Projek Khas Hab Pendidikan Tinggi Pagoh,
Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi,
KM 1, Jalan Panchor,
84600 Pagoh, Muar

u.p: Puan Nor Rasidah binti Salleh @ Abd Razak

pada atau sebelum 1 September 2026

- b) Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil temu duga. Permohonan yang tidak menerima panggilan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh tutup iklan dianggap tidak Berjaya.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi :

1. Puan Nor Rasidah binti Salleh @ Abd Razak
rasidah.salleh@mohe.gov.my / 06-9742405
2. Puan Shuahadah binti M. Halimi shuahadah@mohe.gov.my / 06-9742411